



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

KENYATAAN MEDIA

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dirakamkan buat seluruh ahli pasukan bantuan mencari dan menyelamatkan daripada pelbagai agensi kerajaan yang telah bertungkus lumus selama 9 hari dalam operasi SAR insiden tanah runtuh sekitar Father's Organic Farm, Batang Kali, Selangor Darul Ehsan.

Tanpa mengira penat lelah dan keadaan sukar yang ditempuhi di lokasi kejadian termasuk keadaan cuaca, operasi SAR diteruskan sehingga semalam semua mangsa telah dijumpai dan operasi telah dihentikan sepenuhnya.

Ucapan terima kasih kepada Pegawai Daerah Hulu Selangor selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Ketua Polis Daerah Hulu Selangor selaku Komander Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan semua pihak yang terlibat dalam setiap aspek pengurusan bencana tanah runtuh ini. Selain pasukan tindak balas bantuan pencari dan penyelamat, pelbagai pihak terlibat di barisan hadapan seperti pasukan bantuan kebajikan dan kesihatan, pasukan teknikal dan logistik, penerangan dan media, badan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) serta banyak lagi.

Sungguhpun insiden Batang Kali ini dalam kategori Tahap I yang dikendalikan JPBD Hulu Selangor, namun bantuan dan kerjasama datang daripada pelbagai pihak di peringkat pusat dan negeri. Ini termasuk keprihatinan dan penglibatan langsung kepimpinan negara dan negeri.

Operasi mencari dan menyelamatkan telah selesai, kini fokus kita adalah untuk pengurusan pasca bencana termasuk penyaluran bantuan kepada para mangsa dan ahli keluarga terlibat. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan membantu penyaluran bantuan segera sebaik mendapat data dan maklumat daripada agensi yang bertanggungjawab iaitu JPBD.

Salam takziah buat kesemua 92 orang mangsa dan ahli keluarga yang terlibat. Kita bersyukur kerana 61 mangsa telah berjaya diselamatkan dan amat berdukacita dengan kematian 31 Mangsa.

Sekalian rakyat Malaysia masih perlu terus bersiap siaga kerana kita masih belum keluar sepenuhnya dari tempoh fenomena Monsun Timur Laut 2022/2023. Sentiasa peka kepada informasi dan amaran, serta perlu patuhi nasihat agensi berwajib demi keselamatan bersama.

-tamat-

DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)
25 Disember 2022